

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, July 8, 2019 11:12 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Prof Norazah Kongsi Tips Dan Rahsia Kejayaan



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

08 JULAI 2019 / 05 ZULKAEDAH 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

PROF NORAZAH KONGSI TIPS DAN RAHSIA KEJAYAAN



UUM ONLINE: Menjengah usia 29 tahun sudahpun memiliki PhD, mempunyai pengalaman sebagai Profesor Madya selama 12 tahun sebelum bergelar Profesor pada usia 41 tahun.

Berjaya menerbitkan lebih 300 kertas kerja penyelidikan, penglibatan aktif dalam penyelidikan dan penerbitan yang berkualiti meletakkan namanya di kedudukan ke-3 dunia, Elsevier Top 3 Authors Globally dalam bidang Kelakuan, Kitar Semula, Pembelian Hijau. Apa rahsia dan strategi Lt. Kol. (PA) Prof. Ts. Dr. Norazah Mohd Suki?

“Usaha secara berterusan terhadap penghasilan penyelidikan dan penerbitan yang berkualiti membawa kejayaan yang berlipat ganda.

“Penyelidikan dan penerbitan ibarat adik beradik, buat yang terbaik untuk terbitkan artikel berkualiti, banyak membaca jurnal artikel yang diterbitkan oleh Elsevier dan Scopus.”

Demikian kata Profesor Permasaran dan e-Dagang dari Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB), Universiti Utara Malaysia yang berkongsi tips dan rahsia kejayaan dalam Sesi Town Hall Naib Canselor Bersama Pensyarah Muda di Auditorium SOIS, semalam.

Ujarnya, dalam menghasilkan penyelidikan memerlukan usaha, tenaga, kemahiran, pemikiran kritikal, dan kepimpinan secara holistik.

“Kita perlu mempunyai idea yang extraordinary untuk hasilkan penyelidikan yang berkait dengan pihak industri agar terus relevan,” luahnya pada Sesi Perkongsian: Pengalaman Dalam Aktiviti Penyelidikan.

Kecemerlangan beliau turut disokong oleh Kementerian Pendidikan Malaysia apabila menerima geran penyelidikan di bawah *Fundamental Research Grant Scheme-Malaysia's Research Star Award (FRGS-MRSA) 2018* selain mengharumkan nama UUM apabila menerima anugerah *Malaysia's Research Star Award (MRSA) 2018*.

Beliau turut mencatatkan SCOPUS (*Scopus Bibliographic database*) h-index sebanyak 17, di samping berpengalaman menjadi editor beberapa buku yang diindeks SCOPUS malah beberapa penulisannya diterbitkan dalam *Journal of Cleaner Production (Impact Factor 6.395)*.

“Selepas berjaya menghasilkan penyelidikan yang berkualiti, langkah seterusnya adalah penerbitan hasil kajian penyelidikan tersebut di jurnal berfaktor impak. Pemilihan jurnal yang bersesuaian dengan bidang penyelidikan memainkan peranan penting untuk disenarai pendek oleh Ketua Editor sebelum melalui proses penilaian yang komprehensif,” terangnya.

Beliau turut berkongsi kepentingan penulisan abstrak, sumbangan penyelidikan dalam aspek praktikal, teoretikal dan metodologikal di samping mempunyai tajuk kertas kerja yang menarik.

Dalam pada itu, beliau menjemput para penyelidik UUM yang berminat untuk menghantar artikel bab dalam buku yang berkualiti bagi menyokong penerbitan buku yang sedang diusahakan. Selain bersedia menabur bakti sebagai Pengucap Utama, pemeriksa dalam tesis PhD, penyelidik bersama dan mentor.

Antara pengiktirafan antarabangsa yang diterima seperti Highly Commended Paper in the 2015 Emerald Literati Network Awards for Excellence, Highly Commended Paper in the 2017 Emerald Literati Network Awards for Excellence, dan IGI Global Winners of the Seventh Annual Awards Excellence in Research Journal.

Sementara itu, Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani menyeru pensyarah muda mencontohi strategi yang pernah dilakukan oleh Prof Norazah sehingga bergelar profesor pada usia muda.

“UUM sebagai institusi harus ada hala tuju bahawa suatu hari kita akan menjadi Universiti Pengurusan Terkemuka bukan sahaja di Malaysia malah di Asia namun tanpa input baru daripada pensyarah muda mungkin kita tidak relevan lagi.

“Bagaimana untuk terbit cepat dan banyak? Buat penyelidikan yang berkaitan dengan industri namun kebanyakan industri memberi komen bahawa penyelidikan yang dibuat oleh universiti tidak relevan dengan pihak mereka.

“Kita habiskan banyak masa untuk akademik tetapi kita lupa berapa orang yang baca kertas penyelidikan kita, jadi kita perlu hasilkan kajian yang boleh digunapakai oleh masyarakat dan industri,” tambahnya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.